

NO SOALAN :34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.11.2017**

**Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kadar GST 6% dan sejauh manakah kadar sedia ada ini akan diteruskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengubah kadar GST 6%. Ini kerana kadar tersebut ditetapkan setelah kajian yang terperinci dibuat untuk memastikan ianya adalah kadar yang paling bersesuaian bagi Malaysia. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan

kadar GST tersebut adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini di mana cukai jualan dikenakan pada kadar 5% dan 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
  - ii. sumbangan hasil cukai kepenggunaan;
  - iii. tanggungan cukai oleh pengguna; dan
  - iv. bantuan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna.
- 2) Sekiranya terdapat keperluan untuk mengkaji semula kadar GST tersebut, Kerajaan perlu melihat sistem percukaian negara secara menyeluruh termasuk mengkaji semula kadar cukai korporat dan individu. Selain itu, Kerajaan juga perlu mengambil kira faktor-faktor lain yang akan menerima impak daripada perubahan kadar GST seperti kesan kepada pertumbuhan ekonomi, Indeks Harga Pengguna (IHP), pelaburan dan lain-lain.